

# Plastikancam kelestarian warisan marin

UB 15-P.2018 A7

**PLASTIK!!** Setiap kali membeli-belah di pasaraya, beg plastik menjadi satu kemestian dalam masyarakat kita. Kebiasaan itu menyebabkan usaha mengurangkan penggunaan beg plastik menjadi sukar. Apatah lagi untuk menghentikan sepenuhnya penggunaan beg berkenaan.

Menyedari hakikat bahawa masyarakat kita sudah terbiasa dengan penggunaan plastik sama ada beg mahupun botol plastik, tidak hairan sisa buangan yang sering ditemukan di pesisiran

pantai adalah plastik.

Hasil kajian beach combing melalui Projek Kelestarian Warisan Marin Kota Kinabalu minggu lalu mendapati plastik adalah sisa buangan yang paling biasa ditemukan di pesisiran tiga pantai sekitar Kota Kinabalu.

Aktiviti membersihkan

**BUNGKUSAN** sampah yang berjaya dikumpulkan di Kampung Kibagu semasa aktiviti membersihkan pantai.

pantai yang disertai 130 sukarelawan dari Jebson & Jessen (Asia Tenggara), Trash Hero Borneo dan Majlis Bandaraya Kota Kinabalu itu berjaya mengumpul 1,000kg sisa buangan yang diperolehi dari Pulau Sulug, Kampung Kibagu Sepanggar dan pantai awam berhampiran Sutera

Harbour Resort.

Projek itu dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Marin Borneo (BMRI), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Sutera Harbour Resort dengan kerjasama Jebson & Jessen Singapura.

Pensyarah Bahagian Biologi Marin BMRI UMS Prof

Madya Dr Juanita Joseph semasa menyampaikan hasil tinjauan projek berkenaan memberitahu, plastik adalah sisa yang paling banyak ditemui pada jarak setiap 100 meter di ketiga-tiga kawasan itu.

"Melalui kerja pembersihan pantai itu, sebanyak 6,500

botol mineral, 8,000 plasterin dan 100 lampin pakai buang dikumpulkan. Jika dilihat, botol plastik dan lampin pakai buang itu memerlukan 450 tahun untuk dilupuskan dan plasterin pula akan kekal selamanya kerana ia bukan produk biodegradasi.

"Namun, apa yang mengganggu pemikiran saya adalah kebanyakan sisa buangan plastik ini adalah plastik.

"Inilah yang kita perlu ubah dan didik masyarakat dalam mengurangkan penggunaan plastik yang hanya digunakan sekali sahaja dan diganti dengan beg lebih mesra alam serta boleh diguna semula," jelasnya.

Menurutnya, berdasarkan sampah yang dikumpulkan, kebanyakan sampah itu dibuang dari kawasan darat sebelum ia mengalir ke sungai dan seterusnya ke laut.

Malah, ada sampah yang tenggelam sehingga ke dasar laut dan ada antaranya dibawa arus ke kawasan pantai dan paya.

Juanita percaya ada antara sampah itu dibuang terus ke laut serta pantai berhampiran. Jika dilihat beribu tan sisa buangan dan sampah dibuang ke laut setiap hari.

Sementara itu, Ketua Program Sains Marin UMS Dr Chen Cheng Ann memaklumkan bumi diliputi 70 peratus air dan orang ramai mengandaikan sisa buangan dan sampah itu akhirnya akan dicair dan dihapuskan dalam air.

Namun, realitinya bukan seperti itu terutama bagi plastik yang tidak akan pernah lupus.

"Amat penting bagi kita mengetahui bahawa plastik adalah ancaman kepada keseluruhan hidupan marin," jelasnya.

Chen berkata, walaupun sisa buangan dan sampah dibuang ke tengah lautan, akan tetapi apabila ada arus ia akan dihanyutkan semula ke kawasan pantai dan sekali gus akan menjejaskan biodiversiti marin.

"Pencemaran plastik antara ancaman yang sangat serius kepada lautan. Ini mengancam alam sekitar kerana ia tidak mudah dilupuskan dan sering disangka makanan oleh haiwan marin.

"Biarpun perubahan itu sukar namun kita perlu bertindak sekarang. Kita perlu lebih bertanggungjawab sebagai manusia untuk sama-sama melindungi lautan kita dengan mengatasi masalah pencemaran disebabkan plastik," jelasnya.

Seiring dengan usaha mengatasi masalah pencemaran air, Ketua Unit Kajian Alga Bahaya BMRI Prof Dr Teruaki Yoshida berkata, lebih banyak kajian perlu dilakukan di perairan Teluk Likas yang memperlihatkan air yang tercemar.

Air yang tercemar perlu diberi perhatian serius kerana

**SEBAHAGIAN** sukarelawan yang menyertai aktiviti pembersihan pantai di Pulau Sulug.

**SUKARELAWAN** Jebson & Jessen Mardiana Wilmar dari Palembang Indonesia menunjukkan botol plastik yang dikumpul para peserta program.

ia memberi kesan terhadap biodiversiti marin.

Katanya, sampel air yang diperoleh di Pantai Teluk Likas ketika kajian plankton menunjukkan terdapat penguasaan dominan sejenis phytoplankton (Protoperidinium).

Menurutnya air yang tercemar boleh menyebabkan populasi phytoplankton terus membiak hingga ke tahap memberhaya dan boleh menyebabkan masalah kepada ekosistem dan kesihatan awam.

"Sekiranya hanya wujud satu jenis spesis phytoplankton yang mendominasi sesuatu kawasan, itu menunjukkan tahap kemerosotan kualiti air di kawasan berkenaan," jelasnya.

Atas sebab itulah, beliau meminta orang ramai supaya tidak membuang sisa buangan yang memberi nutrisi kepada phytoplankton di dalam air.

Teruaki berkata, nutrisi yang berlebihan di dalam laut akan menyebabkan populasi phytoplankton terus membiak. Sumber nutrisi ini kebiasannya terhasil daripada aktiviti manusia di kawasan pesisiran pantai serta sisa buangan pertanian dan industri.

Mengenai tahap kualiti air di Teluk Likas, Teruaki berkata kajian yang lebih banyak perlu dilakukan bagi mengenalpasti tahap pencemaran di kawasan itu.

"Untuk menilai keadaan sebenar kualiti air di Pantai Teluk Likas adalah perlu untuk memantau perubahan persekitaran dan spesis yang tumbuh di situ dalam satu tempoh tertentu sebelum sebarang andaian boleh dibuat," katanya.

Katanya, kualiti air akan terus merosot sekiranya tiada penambahbaikan dalam sistem rawatan sisa buangan.

Kerajaan perlu memainkan peranan bagi meningkatkan sistem rawatan sisa buangan itu. Ia kerana, pembuangan sisa buangan yang tidak dirawat dengan baik akan menyebabkan pencemaran berlaku. Keadaan itu sekaligus akan menyebabkan penyakit mudah merebak dan akan menjejaskan industri pelancongan.

Ia berikutan peningkatan kehadiran pengunjung yang datang ke Teluk Likas setelah kawasan pantai Tanjung Aru ditutup untuk sementara waktu bagi kerja pembangunan.



**TERUAKI** (kanan) memberi penjelasan tentang kualiti sampel air di Pantai Teluk Likas kepada sukarelawan yang menyertai projek berkenaan.